

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 8 SEPTEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14646  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan peluang pekerjaan untuk belia Orang Asli dalam sektor awam, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta, bagi memperkasa taraf sosioekonomi mereka.
2. PN-1542-L14238  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sasaran pembaharuan dalam mereformasi pembersihan awam negara terutama dalam memastikan selenggaraan kawasan taman awam dan kemudahan rekreasi dipelihara sebaiknya serta bebas dari perbuatan vandalisme dan gangguan binatang liar serta tiada selenggaraan berkala PBT.
3. PN-1542-L14258  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pencarum skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berdasarkan kaum yang berusia melebihi 55 tahun pada tahun ini dan mempunyai simpanan yang mencukupi bagi menghadapi usia pencen mereka.
4. PN-1542-L14691  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status perbincangan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia berkaitan Blok ND6/ND7 di Laut Sulawesi dan adakah kedaulatan Malaysia akan terjejas melalui pembangunan bersama di Blok tersebut.

5. PN-1542-L14546  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar semasa penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, hipertensi dan obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia, serta apakah langkah pencegahan yang benar-benar terbukti berkesan dalam mengubah gaya hidup rakyat memandangkan kempen-kempen sebelum ini sering berakhir sebagai kempen kesedaran tanpa perubahan tingkah laku yang ketara.
  
6. PN-1542-L14569  
**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berhubung laporan terdapat lebih 2 juta lepasan graduan bekerja di luar bidang atau dalam pekerjaan tidak setaraf dengan pendidikan sedangkan pada masa sama masih ramai pelajar ditawarkan bidang pengajian yang memerlukan kajian semula berkaitan permintaan dalam pasaran kerja semasa.
  
7. PN-1542-L14124  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rangka pelan tindakan nasional Kementerian untuk menyelaras pengurusan sisa pepejal di semua negeri tanpa mengira status penguatkuasaan Akta 672 dan adakah terdapat rundingan, insentif atau kerjasama yang ditawarkan oleh pihak Kementerian kepada negeri-negeri yang masih belum memuktamadkan penerimaan dan pelaksanaan Akta 672.
  
8. PN-1542-L13926  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah penilaian terperinci berkenaan dengan impak sebenar rasionalisasi subsidi ke atas Indeks Harga Pengguna (IHP) dan pendapatan isi rumah sebenar bagi golongan M40 dan B40 sejak rasionalisasi tersebut diimplementasikan dan apakah langkah mitigasi khusus atau yang boleh diukur yang disediakan untuk suku ketiga dan keempat.
  
9. PN-1542-L14410  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
  - (a) penjelasan mengenai penangguhan peluncuran Garis Panduan *Short Term Rental Accommodation* (STRA) oleh Kementerian; dan
  - (b) apakah garis masa yang baharu untuk pembentangan dasar tersebut serta perancangan Kementerian untuk memastikan dasar STRA yang jelas menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

10. PN-1542-L14075

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sama ada pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Kedah berjalan mengikut jadual yang ditetapkan serta tahap keberkesanan mitigasi bencana banjir yang dicapai setelah projek RTB disiapkan.

11. PN-1542-L13971

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha atau inisiatif untuk memberikan pendedahan berkaitan skim *Buy Now, Pay Later* (BNPL) yang melibatkan semakin ramai pelajar yang akhirnya dibebani hutang BNPL.

12. PN-1542-L14248

**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah komitmen dan tindakan Kementerian ke atas keselamatan Orang Kurang Upaya (OKU) di setiap stesen pengangkutan awam memandangkan ada kes kemalangan membabitkan golongan OKU di stesen pengangkutan awam khususnya stesen LRT.

13. PN-1542-L14114

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah Rukun Tetangga yang ada mengikut daerah di Sarawak dan apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap Rukun Tetangga pada setiap tahun.

14. PN-1542-L14484

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk mengawal peningkatan serangan *phishing* (memancing data) dan suntikan maklumat palsu oleh penipuan kecerdasan buatan (AI) yang meniru *online travel agencies* (OTA) dan hotel dalam sektor pelancongan.

15. PN-1542-L14477  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi kesulitan pengguna dari kawasan pedalaman dan warga emas yang tidak celik teknologi serta kurang akses internet susulan penutupan kaunter manual pembelian tiket kapal terbang di Lapangan Terbang Sandakan menyebabkan golongan ini sukar membeli tiket.
16. PN-1542-L14469  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal isu *mismatch* antara kelayakan pekerja dan keperluan industri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, serta bagaimana Kementerian memastikan peluang pekerjaan diagihkan secara adil antara ketiga-tiga wilayah ini.
17. PN-1542-L14369  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana program berhenti merokok telah tercapai dengan berkesan dalam kalangan generasi muda hari ini.
18. PN-1542-L14598  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-  
(a) mekanisme pemantauan dan penilaian awal untuk menilai kesan sistem ini terhadap pengukuhan perpaduan dan pengesanan isu perpecahan sosial; dan  
(b) status semasa penggunaan sistem e-Sepakat kepada orang awam yang diumumkan pada awal tahun ini.
19. PN-1542-L13962  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan mencapai sasaran kedatangan pelancong pada suku pertama tahun 2025 dan apakah persediaan yang khusus bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026.
20. PN-1542-L14649  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan nyatakan langkah Kementerian bagi membanteras kemasukan *e-waste* yang diseludup secara haram dan diproses di Malaysia sepertimana yang berlaku baru-baru ini, dan nyatakan negara asal lambakan *e-waste* sama ada dari Amerika Syarikat, United Kingdom, China atau Jepun.

21. PN-1542-L14033

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah bentuk kriteria teknikal dan perundangan yang akan diguna pakai oleh badan bebas dalam cadangan RUU Pembaharuan Semula Bandar (PSB) dalam menentukan sesuatu bangunan layak dibaik pulih atau dirobuhkan; dan
- (b) adakah penilaian tersebut akan merangkumi aspek struktur fizikal, kesesuaian guna tanah, impak sosial dan sejarah bangunan.

22. PN-1542-L14419

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha terkini Kerajaan dalam mempersiapkan negara bagi menghadapi fasa negara menua menjelang tahun 2030.

23. PN-1542-L13954

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan perjanjian yang ditandatangani antara YAB Perdana Menteri dan YAB Premier Sarawak pada 21 Mei 2025 berkenaan pengagihan gas di Sarawak.

24. PN-1542-L14310

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melancarkan projek hospital angkat ataupun klinik kesihatan angkat oleh badan korporat seperti program Sekolah Angkat MADANI.

25. PN-1542-L14536

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada bantuan yang diumumkan kepada usahawan India berbentuk geran atau pinjaman dan apakah kadar faedah yang dikenakan jika dalam bentuk pinjaman.

26. PN-1542-L14629

**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan projek tanaman padi di kawasan paya terbiar yang berhampiran dengan perkampungan Orang Asli bagi meningkatkan sumber pendapatan dan keselamatan makanan komuniti.

27. PN-1542-L14578  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pelaksanaan projek CCTV bersepadu dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di tempat tumpuan jenayah.
28. PN-1542-L14500  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan keberkesanan langkah menyeragamkan pengeluaran Sijil Tempasal Bukan Keutamaan (NPCO) bagi barangan yang dieksport ke Amerika Syarikat dalam menangani risiko *transshipment*.
29. PN-1542-L14325  
**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan pembinaan blok hospital Kerajaan baharu di kawasan Seberang Perai, memandangkan fasiliti sekarang tidak lagi mampu menampung keperluan di Seberang Perai. Apakah status pengoperasian Blok Multi Storey Hospital Seberang Jaya. Mengapakah ia masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya.
30. PN-1542-L13916  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Akta Pengantaraan 2012 telah menggalakkan penggunaan pengantaraan sebagai kaedah penyelesaian pertikaian dan sekiranya Kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi penggunaan pengantaraan.
31. PN-1542-L14173  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah jangka panjang yang sedang diambil bagi mengatasi banjir besar yang sering berlaku di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Johor dan di Lembah Klang yang melibatkan kerugian puluhan juta ringgit serta ratusan ribu mangsa antara Disember 2024 hingga 2025.
32. PN-1542-L14391  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan proses persempadanan semula kawasan Pilihan Raya bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, serta bilakah proses ini dijangka akan mula dilaksanakan.

33. PN-1542-L14466

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendekatan diplomatik yang sedang dan akan diambil oleh Malaysia bagi menangani pencerobohan berterusan kapal peronda China di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia, khususnya melalui kerangka kerjasama ASEAN, dan sejauh manakah prinsip *ASEAN Centrality* serta *Zone of Peace, Freedom, and Neutrality* (ZOPFAN) masih relevan dan berkesan dalam menghadapi cabaran keselamatan serantau ini.

34. PN-1542-L14618

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan pewartaan pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Sarawak dan sejauh manakah perancangan Kementerian untuk menambah bilangan pusat pemulihan di Zon Tengah dan Utara Sarawak memandangkan hanya satu pusat pemulihan wujud di Kuching buat masa ini.

35. PN-1542-L14464

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Skim Takaful Ibu & Anak yang memberi perlindungan kepada ibu mengandung, rawatan bersalin, dan penjagaan kesihatan bayi hingga umur dua tahun bagi mengurangkan risiko kematian ibu dan anak.

36. PN-1542-L14671

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah konkrit untuk mengelakkan atau mengurangkan beban tugas guru di sekolah yang menjejaskan tugas Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang mengakibatkan tekanan kepada guru dan mutu pendidikan yang terjejas.

37. PN-1542-L14302

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan dan garis masa pembayaran Geran Khas Tahunan 40 peratus kepada Sabah seperti termaktub dalam Perlembagaan dan MA63, serta bagaimana Kerajaan memastikan suntikan fiskal ini benar-benar menjana pekerjaan, mengurangkan kemiskinan dan seimbangkan pembangunan.

38. PN-1542-L14193  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah tambahan yang sedang dirangka untuk memastikan Sabah mencapai sasaran liputan digital dan komunikasi sejajar dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.
39. PN-1542-L14387  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini permohonan pembaikan dan penggantian Sistem Pengurusan Giliran di Klinik Pakar Hospital Sarikei, memandangkan sistem tersebut telah lama rosak dan menjejaskan perkhidmatan, serta bilakah ia akan dilaksanakan.
40. PN-1542-L13981  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pengawal keselamatan menerima gaji minimum yang ditetapkan dan tidak dieksploitasi oleh syarikat kawalan keselamatan.
41. PN-1542-L14292  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah mengadakan perbincangan bersama PETRONAS untuk menanggungkan penyelenggaraan di *Sabah Oil & Gas Terminal (SOGT)* sehingga kapasiti penjanaan elektrik stabil dan apakah hasilnya. Jika belum, mengapakah langkah tersebut tidak diambil memandangkan kesannya kepada bekalan elektrik di Sabah.
42. PN-1542-L14272  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah usaha Kerajaan memastikan bahawa suara dan pandangan Orang Asli didengari dan diambil kira dalam proses penggubalan dasar yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Ke-13.
43. PN-1542-L14549  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai perkhidmatan yang ditawarkan melalui Rakan KKM dan bagaimana Kementerian mengurangkan risiko meluaskan jurang akses di antara rakyat.

44. PN-1542-L14608

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan Malaysia dalam memeterai dan melaksanakan satu kerangka kerjasama serantau merentasi negara anggota ASEAN bagi memerangi jenayah siber termasuk aspek perkongsian maklumat risikan digital, penyelarasan undang-undang dan operasi rentas sempadan terhadap ancaman keselamatan siber.

45. PN-1542-L14103

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menambah lagi bilangan penyertaan kampung-kampung di Sarawak melalui Program Desa Lestari untuk memperkasakan dan memperluaskan aktiviti ekonomi komuniti desa di Sarawak.

46. PN-1542-L13906

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi Kerajaan dalam meningkatkan eksport khususnya ke Amerika Syarikat dan negara-negara lain walaupun berdepan dengan ancaman peningkatan tarif.

47. PN-1542-L14558

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan Kerajaan berhubung jerebu rentas sempadan akibat kebakaran hutan di Sumatera yang memberi kesan kepada kualiti udara di Negeri Sembilan dan kawasan sekitar.

48. PN-1542-L14095

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) jumlah koperasi yang ada di seluruh Sarawak; dan
- (b) apakah kekangan yang dihadapi penduduk rumah panjang di pedalaman Sarawak yang mempunyai penduduk yang ramai sekurang-kurangnya 200 orang dewasa tetapi gagal untuk membuka koperasi atau mengekalkan koperasi yang telah dibuka.

49. PN-1542-L14588

**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah penyelarasan diambil untuk memastikan sayur-sayuran yang diimport adalah selamat untuk dimakan dan sejauh manakah keberkesannya.

50. PN-1542-L14080  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sarawak di bawah Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) termasuk jumlah projek yang telah siap, sedang berjalan dan yang tertangguh, serta langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek tersebut.
51. PN-1542-L14219  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam pemastian mewajibkan pra sekolah pada umur 5 tahun dan sekolah rendah bermula umur 6 tahun seperti di dalam Rancangan Malaysia Ke-13 dapat dilaksanakan sebaik mungkin bagi mengelakkan pelajar tercicir dan keberkesanan kepada pelajar yang mengikutinya.
52. PN-1542-L14437  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dalam RMK13 untuk meningkatkan infrastruktur kesihatan di kawasan luar bandar serta mengukuhkan kesiapsiagaan sistem kesihatan awam.
53. PN-1542-L14520  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini 44 Projek Pembangunan Negeri Johor (ICU) di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang tergendala.
54. PN-1542-L14664  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha yang diambil Kementerian dalam melaksanakan pelan untuk memperkukuhkan tahap perpaduan negara yang kini kian rapuh dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap isu-isu perkauman yang sengaja diwujudkan sesetengah pihak bagi kepentingan tertentu.
55. PN-1542-L14454  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) akan memperluas capaian internet berkelajuan tinggi dan menutup jurang digital antara bandar dan luar bandar.

56. PN-1542-L14336

**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan dalam melaksanakan libat urus yang menyeluruh dengan Kerajaan-kerajaan negeri berkaitan pelaksanaan perdagangan karbon hutan.

57. PN-1542-L14282

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan 'rumah terbuka pendidikan' Orang Asli untuk meningkatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan ibu bapa dan penjaga masyarakat Orang Asli.

58. PN-1542-L13932

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penambahbaikan dibuat oleh Kementerian kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan agensi kawalan maritim Malaysia yang lain dari segi keupayaan pengawasan, rondaan dan tindak balas pantas di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia dan bagaimanakah penglibatan diplomatik dapat diperkuatkan untuk menegakkan kedaulatan Malaysia dan hak di bawah Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut (UNCLOS).

59. PN-1542-L14156

**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak ditubuhkan pada 1997 dan berapakah jumlah pelajar yang telah menerima bantuan PTPTN serta jumlah pembayaran semula PTPTN sehingga Ogos 2025.

60. PN-1542-L14681

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rancangan intensif penyediaan institusi penjagaan warga emas kendalian Kerajaan di seluruh negara berdasarkan pusat petempatan penduduk, baik di luar bandar mahupun di bandar.

61. PN-1542-L14092

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesan langsung pindaan undang-undang berkaitan dengan kes jenayah seksual kanak-kanak yang ketika ini terus mencatatkan peningkatan saban tahun.

62. PN-1542-L14144

**Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pihak JPA meneliti sambutan dan maklum balas daripada penjawat awam mengenai Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang turut melibatkan kenaikan pangkat secara *one-off* bagi kumpulan pengurusan dan professional gred 9,10 dan 12 di bawah skim ini.

63. PN-1542-L14023

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyediakan serta menaik taraf kemudahan jalan raya luar bandar ke pusat-pusat peranginan di sepanjang Pantai Bachok yang semakin mendapat kunjungan ramai pelancong.

64. PN-1542-L14183

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan membaik pulih Intekma Resort di Seksyen 7 Shah Alam yang terbiar sejak sekian lama dan boleh dijadikan asrama pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menghadapi kesukaran untuk mendapat rumah sewa.

65. PN-1542-L13941

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sempena Kempen Melawat Malaysia 2026, apakah pendirian pihak Kementerian terhadap dasar cukai pelancongan dan caj tambahan yang dikenakan ke atas pelancong - pelancong asing dan adakah terdapat insentif lain untuk menggalakan kedatangan pelancong sempena tahun melawat Malaysia ini.

66. PN-1542-L14372

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Rumah Panjang di Sarawak yang telah menerima bantuan SejaTi MADANI dan berapakah nilai bantuan tersebut; dan
- (b) apakah hasil yang telah dicapai dan adakah Kerajaan akan memperluaskan bantuan tersebut untuk membenarkan pembinaan kecil-kecilan seperti gerai runcit di kawasan luar bandar.

67. PN-1542-L14063

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan perancangan Kementerian dalam membina bandar kecerdasan buatan (AI) atau bandar berteraskan AI, terutamanya di negeri-negeri wilayah utara seperti Kedah.

68. PN-1542-L14338

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaik taraf atau membina semula klinik-klinik kesihatan yang daif di seluruh negara, memandangkan banyak kemudahan tersebut berada dalam keadaan tidak selesa, tidak selamat dan tidak lagi mampu menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat yang hadir untuk mendapatkan rawatan.

69. PN-1542-L14208

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan peserta yang berjaya serta peruntukan kewangan yang sudah dibelanjakan oleh Kementerian dalam menjayakan Program Agropreneur Muda melalui geran sedia ada; dan
- (b) impak keberkesanan program ini serta apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan keupayaan petani kecil khususnya petani muda dalam menggunakan teknologi seperti teknologi *Internet of Things* (IOT), dron dan sebagainya untuk meningkatkan hasil.

70. PN-1542-L14228

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan fokus yang lebih serius dalam menyelesaikan jurang capaian rangkaian komunikasi 5G (*network dan fiber optic*) di seluruh negara terutama luar bandar agar akses kepada capaian internet dan komunikasi berkelajuan tinggi lebih sempurna.

71. PN-1542-L13993

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk memperluas program bantuan seperti Dana Khas Pelajar B40 dan inisiatif MyBrighter Future kepada pelajar IPTS yang memenuhi kriteria, memandangkan terdapat pelajar B40 yang memilih IPTS kerana kursus pengajian yang fleksibel atau peluang pekerjaan yang lebih spesifik.

72. PN-1542-L14134

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkasa pensijilan halal Malaysia agar lebih kompetitif di peringkat antarabangsa sekali gus menjadikannya sebagai aset dagangan strategik di pasaran luar negara, khususnya dalam menghadapi cabaran berkaitan tarif perdagangan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap produk import termasuk produk halal dari Malaysia.

73. PN-1542-L14198

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk mengurangkan kadar pengangguran di Sabah melalui latihan kemahiran dan TVET yang disesuaikan dengan keperluan industri tempatan.

74. PN-1542-L14510

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :-

- (a) kemajuan dan impak inisiatif Rakyat Digital setakat ini dalam meningkatkan literasi AI; dan
- (b) langkah-langkah lanjut yang diambil untuk memperkukuh literasi AI dalam kalangan komuniti yang kurang mendapat akses.

75. PN-1542-L14403

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Malaysia untuk memurnikan perbezaan antara negara-negara ASEAN khususnya dalam pembayaran rentas sempadan dan kad pengenalan digital, memandangkan negara-negara ASEAN mempunyai tahap ketersediaan digital yang berbeza.

76. PN-1542-L14356

**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan data terkini pengagihan hasil Cukai Pelancongan kepada setiap negeri dan mekanisme yang digunakan dalam pengagihan tersebut memandangkan sistem sedia ada bersifat berasingan.

77. PN-1542-L14048

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan terhadap pihak yang secara terbuka mempromosikan atau menganjurkan program sempena *Pride Month*, termasuk kempen di media sosial, serta langkah pencegahan agar kegiatan ini tidak berulang dan tidak terus mencabar nilai dan undang-undang negara.

78. PN-1542-L14003

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan Malaysia dalam usaha ke arah pengiktirafan secara rasmi bagi meningkatkan kerjasama menyeluruh dengan negara Emiriah Islam Afghanistan dan Republik Arab Syria yang diperintah oleh Kerajaan baharu.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.26/2025 ) Rang Undang-undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

2. ( D.R.28/2025 ) Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

3. ( D.R. 13/2025 ) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

4. ( D.R. 11/2025 ) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

5. ( D.R. 12/2025 ) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

6. ( D.R. 21/2025 ) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

7. ( D.R. 6/2025 ) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**
8. ( D.R. 7/2025 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**
9. ( D.R. 18/2025 ) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**
10. ( D.R. 27/2025 ) Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Sumber Manusia ]**
11. ( D.R. 22/2025 ) Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ]**

12. ( D.R. 15/2025 ) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis)

**Bacaan Kali  
Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

13. ( D.R. 17/2025 ) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025

**Bacaan Kali  
Kedua**

**[ Menteri Kesihatan ]**

14. ( D.R.20/2025 ) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025

**Bacaan Kali  
Kedua**

**[ Menteri Pendidikan ]**